

CADANGAN GARISPANDUAN REKABENTUK INFRASTRUKTUR TELEKOMUNIKASI BAGI CADANGAN BARU DAN PROGRAM PEMUTIHAN DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR



CADANGAN GARISPANDUAN REKABENTUK INFRASTRUKTUR TELEKOMUNIKASI DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

TARIKH : 23 JUNE 2006
NO. FAIL : DBKL . URBW . 43 / 147 / 23
DISEDIAKAN : UNIT REKABENTUK BANDAR DAN WARISAN

1.0 PENGENALAN

Penyediaan garispanduan rekabentuk infrastruktur telekomunikasi ini adalah selaras dengan misi / objektif Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020 di dalam mewujudkan sebuah bandar yang berkualiti dari aspek keselesaan persekitaran, kemudahan dan keselamatan.

Dengan adanya garispanduan rekabentuk infrastruktur telekomunikasi ini ianya akan dijadikan sebagai rujukan di dalam memastikan rekabentuk pembinaan struktur telekomunikasi ini terkawal serta membantu di dalam mewujudkan sebuah persekitaran perbandaran yang berkualiti, berimej dan beridentiti.

2.0 TUJUAN

Garis panduan Infrastruktur Telekomunikasi di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ini bertujuan untuk memastikan pemasangan infrastruktur telekomunikasi di Bandaraya Kuala Lumpur terkawal dari aspek keselamatan, visual dan estetika tanpa menghalang pembangunan teknologi telekomunikasi bagi keperluan masyarakat awam Kuala Lumpur.

- 2.1 Mewujudkan sebuah persekitaran perbandaran (*urban environment*) yang selesa dan selamat kepada penduduk awam.
- 2.2 Mewujudkan sebuah persekitaran perbandaran (*urban environment*) yang mempunyai kualiti estetika dan kualiti visual selaras dengan Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020.
- 2.3 Memastikan pemasangan struktur telekomunikasi pada mana-mana bahagian bangunan adalah dirancang dan direkabentuk dengan baik agar implikasi visual (*visual impact*) yang diberikan tidak menjejaskan imej dan identiti negara.
- 2.4 Memastikan pemilihan lokasi struktur yang sesuai agar ianya tidak dipasang pada mana-mana bangunan warisan (Heritage building).

3.0 SITUASI SEDIA ADA DI KUALA LUMPUR



Pemandangan dari Jalan Dewan Sultan Sulaiman

Menara Zikay,
Kampung Baru

Tiada perancangan perletakkan yang teliti menyebabkan implikasi ke atas kesan visual yang tidak menarik dan tidak kemas



Pemandangan dari Jalan Dewan Sultan Sulaiman

3.0 SITUASI SEDIA ADA DI KUALA LUMPUR


**Bangunan Rumah Kedai,
Jalan Tunku Abdul Rahman**

Pemasangan saiz struktur telekomunikasi yang tidak bersesuaian mencatatkan *scale* dan *proportion* di antara bangunan dan struktur telekomunikasi



Pemandangan street level dari Jalan Tunku Abdul Rahman

3.0 SITUASI SEDIA ADA DI KUALA LUMPUR



**Bangunan Pejabat,
Jalan Ipoh**

Perletakkan di lokasi yang tidak sesuai akan memberikan kesan visual yang tidak menarik walaupun bangunan adalah setinggi 30 tingkat



3.0 SITUASI SEDIA ADA DI KUALA LUMPUR



Bangunan Rumah Kedai,
Disepanjang Jalan Tunku Abdul Rahman

Pemilihan bangunan yang mempunyai ketinggian tidak sesuai juga memberi kesan kepada kualiti visual kepada masyarakat awam. Bagi kawasan yang sering dikunjungi oleh pelancong asing dan masyarakat awam, ianya akan mencerminkan identiti dan imej negara



3.0 SITUASI SEDIA ADA DI KUALA LUMPUR



Bangunan SOGO,

Jalan Tunku Abdul Rahman

Jumlah struktur telekomunikasi yang terlalu banyak
merosakkan fasad dan skyline bangunan

3.0 SITUASI SEDIA ADA DI KUALA LUMPUR

Bangunan Kompleks Pertama

Jalan Tunku Abdul Rahman

Jumlah struktur telekomunikasi yang terlalu banyak dan lokasi yang tidak sesuai menyebabkan struktur telekomunikasi masih boleh dilihat dari jarak jauh




Pemandangan dari atas bangunan Semua House

4.0 CADANGAN REKABENTUK INFRASTRUKTUR TELEKOMUNIKASI

- A. **ALTERNATIF STRUKTUR SOKONGAN**
- B. **LOKASI PERLETAKKAN PADA BANGUNAN SEDIA ADA**
- C. **INTEGRASI BERSAMA ELEMEN ESTETIKA**
- D. **ELEMEN LOUVRES DAN FINS**
- E. **“CAMOUFLAGE TOWER”**

urbow

*unit rekabentuk bandar dan warisan
dewan bandaraya kuala lumpur*




4.0 CADANGAN REKABENTUK INFRASTRUKTUR TELEKOMUNIKASI

A. ALTERNATIF STRUKTUR SOKONGAN

Contoh: Menara Jam, Menara Berlampu, Tiang Lampu, Free Standing Structure. Menara Masjid,

Menggunakan elemen sedia ada untuk diintegrasikan bersama, dengan mengambil kira faktor "proportion and scale", warna dan tekstur



4.0 CADANGAN REKABENTUK INFRASTRUKTUR TELEKOMUNIKASI

A. ALTERNATIF STRUKTUR SOKONGAN

Contoh: Menara Jam, Menara Berlampu, Tiang Lampu, Free Standing Structure. Menara Masjid,


Menggunakan elemen sedia ada untuk diintergrasikan bersama, dengan mengambil kira faktor "proportion and scale", warna dan tekstur



4.0 CADANGAN REKABENTUK INFRASTRUKTUR TELEKOMUNIKASI

B. LOKASI PERLETAKKAN PADA BANGUNAN SEDIA ADA

Contoh: Bangunan rumah kedai, bangunan pejabat



Lokasi yang dicadangkan

Pelan tidak berskala


Lokasi ruang tengah dan jarak bangunan akan mengurangkan visual terhadap infrastuktur telekomunikasi dimana ianya tidak akan kelihatan dan terlindung disebabkan faktor ketinggian



4.0 CADANGAN REKABENTUK INFRASTRUKTUR TELEKOMUNIKASI

B. LOKASI PERLETAKKAN PADA BANGUNAN SEDIA ADA

Contoh: Bangunan rumah kedai, bangunan pejabat



Lokasi yang dicadangkan


Bagi deretan rumah kedai, lokasi perletakan infrastruktur telekomunikasi yang sesuai adalah di lorong belakang yang terlindung dari jalan dan laluan utama

4.0 CADANGAN REKABENTUK INFRASTRUKTUR TELEKOMUNIKASI

B. LOKASI PERLETAKKAN PADA BANGUNAN SEDIA ADA

Contoh: Bangunan rumah kedai, bangunan pejabat

Bagi deretan rumah kedai yang mempunyai lorong belakang menghadap jalan utama/lebuhraya, lokasi yang dipilih mestilah terletak jauh serta terselindung



Pelan deretan rumah kedai (lorong belakang menghadap jalan utama)


tidak berskala

4.0 CADANGAN REKABENTUK INFRASTRUKTUR TELEKOMUNIKASI

C. INTEGRASI BERSAMA ELEMEN ESTETIKA

Contoh: Struktur estetika, arca, puncak bangunan,

Merekabentuk elemen estetika seperti "pinnacle" untuk diintegrasikan bersama dengan peralatan telekomunikasi yang sesuai.





4.0 CADANGAN REKABENTUK INFRASTRUKTUR TELEKOMUNIKASI

C. INTEGRASI BERSAMA ELEMEN ESTETIKA

Contoh: Struktur estetika, arca, puncak bangunan,

Merekabentuk elemen estetika untuk diintegrasikan bersama dengan peralatan telekomunikasi yang sesuai



4.0 CADANGAN REKABENTUK INFRASTRUKTUR TELEKOMUNIKASI

D. ELEMEN LOUVRES DAN FINS

Contoh: Sebagai papan tanda, elemen senibina



Louvers yang boleh digunakan sebagai papantanda

Elemen louvers dan fins membantu melindungi infrastruktur telekomunikasi yang berada di atas bangunan. Ruang yang ada boleh digunakan sebagai papan tanda dan juga kempen-kempen kerajaan bersesuaian dengan fungsi bangunan.



4.0 CADANGAN REKABENTUK INFRASTRUKTUR TELEKOMUNIKASI

E. “CAMOUFLAGE TOWER”

Contoh: menara masjid, pokok tiruan, papan tanda

Mereka bentuk menara berdasarkan suasana persekitaran dengan mengambil kira aspek-aspek;

1. Warna
2. Skala dan perkadaran (*scale and proportion*)
3. Tekstur



A) GARISPANDUAN REKABENTUK INFRASTRUKTUR TELEKOMUNIKASI BARU DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

1. Menggunakan struktur alternatif yang sedia ada di tapak untuk di integrasikan dengan struktur telekomunikasi.
2. Apa-apa struktur telekomunikasi tidak dibenarkan diletakkan di atas bangunan rumah kedai atau kedai pejabat yang mempunyai bumbung dari jenis cerun.
3. Apa – apa struktur dan peralatan telekomunikasi yang tinggi tidak dibenarkan diletakkan di atas bangunan rumah kedai yang berketinggian 2 tingkat atau kurang.
4. Struktur telekomunikasi yang diletakkan pada bangunan rumah kedai hendaklah diletakkan di atas bumbung rata di bahagian belakang.
5. Struktur telekomunikasi hendaklah dilekatkan (*wall mount*) pada dinding parapet atau fasad bangunan dan ianya hendaklah dikemaskan serta dilepa dengan warna yang selaras dengan fasad bangunan tersebut.
6. Apa-apa struktur dan sistem kabel atau pendawaian telekomunikasi yang diletakkan di atas bumbung dan pada permukaan fasad bangunan hendaklah dikemaskan dengan baik dan dilepa dengan warna yang selaras dengan fasad bangunan tersebut.

A) GARISPANDUAN REKABENTUK INFRASTRUKTUR TELEKOMUNIKASI BARU DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

8. Bahan binaan bagi kabin atau “shed” tidak boleh menggunakan bahan binaan dari jenis kepingan keluli (*metal deck*) sebagai kemasan dinding.
9. Warna bagi kabin atau *shed* hendaklah sama dan selaras dengan warna bangunan sedia ada.
10. Mana – mana bahagian dinding dan bumbung kabin atau “shed” tidak dibenarkan digunakan sebagai dinding paparan iklan bagi tujuan komersil.
11. Tangga dari jenis “*cat ladder*” tidak dibenarkan diletakkan pada fasad bangunan dan laluan masuk hendaklah dari dalam bangunan.
12. Apa-apa struktur telekomunikasi tidak dibenarkan diletakkan di bahagian belakang rumah kedai yang lorong belakangnya dapat dilihat secara terus dari jalan utama atau lebuh raya.
13. Struktur telekomunikasi yang diletakkan pada mana-mana bangunan tinggi perlulah di intergrasi dengan elemen puncak , arca atau elemen kerangka yang sedia ada agar tidak menjejaskan latar langit (*skyline*) Kuala Lumpur.

A) GARISPANDUAN REKABENTUK INFRASTRUKTUR TELEKOMUNIKASI BARU DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

14. Struktur dan peralatan telekomunikasi tidak boleh diletakkan dalam kuantiti yang banyak pada satu-satu lokasi kecuali ianya dipasang pada satu struktur menara.
15. Menggunakan kaedah '*camouflage tower*' dengan rekabentuk yang bersesuaian dengan persekitaran dan lokasi perletakan.
16. Menggunakan struktur penghadang visual seperti elemen dinding atau "*lourves*" untuk mengurangkan impak visual yang tidak menarik pada fasad dan bumbung bangunan serta untuk mengemaskan ruang perletakan alat sistem pemancar.
17. Apa – apa struktur telekomunikasi yang diletakkan pada mana – mana bangunan atau struktur sokongan mestilah dalam keadaan kemas, tersusun dan teratur.
18. Mematuhi semua arahan dan Garispanduan Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang berkaitan dengan lokasi perletakan dan ketinggian struktur menara telekomunikasi.

B) GARISPANDUAN PROGRAM PEMUTIHAN DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

1. Apa-apa struktur telekomunikasi tidak dibenarkan diletakkan di atas bangunan rumah kedai yang mempunyai bumbung dari jenis cerun.
2. Struktur telekomunikasi hendaklah dilekatkan (*wall mount*) pada dinding parapet atau fasad bangunan dan ianya hendaklah dikemaskan serta dilepa dengan warna yang selaras dengan fasad bangunan tersebut.
3. Tangga dari jenis "*cat ladder*" tidak dibenarkan diletakkan pada fasad bangunan dan laluan masuk ke ruang bumbung hendaklah dari dalam bangunan.
4. Apa-apa struktur dan sistem kabel atau pendawaian telekomunikasi yang diletakkan di atas bumbung dan pada permukaan fasad bangunan hendaklah dikemaskan dengan baik dan dilepa dengan warna yang selaras dengan fasad bangunan tersebut.
5. Bahan binaan bagi kabin atau '*shed*' tidak boleh menggunakan bahan binaan dari jenis kepingan keluli (*metal deck*) sebagai kemas dinding.
6. Warna bagi kabin atau shed hendaklah sama dan selaras dengan warna bangunan sedia ada.

B) GARISPANDUAN PROGRAM PEMUTIHAN DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

7. Mana – mana bahagian dinding dan bumbung kabin atau “shed” tidak dibenarkan digunakan sebagai dinding paparan iklan bagi tujuan komersil.
8. Struktur dan peralatan telekomunikasi tidak boleh diletakkan dalam kuantiti yang banyak pada satu-satu lokasi kecuali ianya dipasang pada satu struktur menara.
9. Menggunakan struktur penghadang dari jenis dinding padu (*solid wall*) atau *lourves* untuk mengemaskan ruang perletakan alat sistem pemancar.
10. Mematuhi semua arahan dan Garispanduan Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang berkaitan dengan lokasi perletakkan dan ketinggian struktur menara telekomunikasi.

TERIMA KASIH

urbw

*unit rekabentuk bandar dan warisan
dewan bandaraya kuala lumpur*